



ESCALATE THE PASSION

POTONGAN CUKAI 2% BAGI BAYARAN TUNAI KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH (EPP)

**DISEDIAKAN OLEH:
SEKSYEN PUNGUTAN
HASIL NEGERI MELAKA**

KEMASKINI PADA 29/3/2024

MEDIA SOSIAL RASMI HASiL



PORTAL RASMI :
www.hasil.gov.my

MEDIA SOSIAL HASiL

 **@hasil_malaysia**

 **@HASiL_Malaysia**  **@hasil_malaysia**

 **@HASiLMalaysia**  **@HASiL_Malaysia**

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASiLMalaysia [hasil_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia) [@HASiL_Malaysia](https://twitter.com/HASiL_Malaysia) [@HASiL_Malaysia](https://x.com/HASiL_Malaysia) [@hasil_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

EduZone
Gerbang Pendidikan Percukaian Anda



KEMASKINI PADA 29/3/2024

APAKAH ITU SEKSYEN 107D ACP 1967



- ❑ Seksyen 107D ACP merupakan peruntukan baharu yang diperkenalkan melalui Bajet 2022.
- ❑ Di bawah peruntukan ini, setiap pembayaran berbentuk tunai yang terbit hasil daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh ejen, pengedar atau pengagih (EPP) yang dilantik atau diberi kuasa oleh syarikat pembayar akan dikenakan potongan cukai pada kadar 2% dalam tahun kalendar.
- ❑ Potongan cukai 2% ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2022.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

MENGAPA POTONGAN CUKAI 2% PERLU DILAKSANAKAN

- ❑ Potongan cukai 2% perlu dilaksanakan berikutan langkah kerajaan dalam memastikan pematuhan pembayaran cukai di kalangan pembayar cukai yang melibatkan EPP.
- ❑ Hal ini dapat membendung masalah ketirisan cukai serta mengurangkan operasi pentadbiran percukaian sekaligus dapat meningkatkan kutipan hasil negara

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIAPAKAH PEMBAYAR

- ❑ Pembayar merupakan sebuah syarikat dengan merujuk kepada seksyen 2 ACP:

"body corporate and includes any body of persons established with a separate legal identity by or under the laws of a territory outside Malaysia and a business trust;"

- ❑ Kategori pembayar yang tertakluk di bawah seksyen 107D adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Fail
Syarikat	C
Amanah Perniagaan	TN

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 1:

Koperasi Makmur Malaysia menjalankan perniagaan barangan keperluan asas. Pihak koperasi melantik ahlinya sebagai pengedar barangan perniagaannya. Komisen dibayar kepada ahli yang mengedar berdasar peratusan dalam kontrak perjanjian.

Layanan cukai:

Komisen yang dibayar kepada ahlinya selaku pengedar tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% memandangkan koperasi tidak dikategorikan sebagai syarikat pembayar.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIAPAKAH PENERIMA BAYARAN

- ❑ Penerima bayaran merupakan seorang individu pemastautin yang bertindak sebagai EPP dengan merujuk kepada seksyen 107(6) ACP.

“seorang individu pemastautin yang diberi kuasa oleh pembayar untuk bertindak sebagai ejen, pengedar atau pengagih dan menerima bayaran yang terbit daripada hasil jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP tersebut”

- ❑ Individu pemastautin bermaksud orang biasa yang kehadirannya adalah secara fizikal di Malaysia tanpa mengambilkira kerakyatan atau kewarganegaraannya bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIAPAKAH PENERIMA BAYARAN

- ☐ Bagi penentuan status taraf mastautin seseorang individu maka ia perlu dirujuk kepada seksyen 7 ACP.
- ☐ EPP adalah termasuk pengusaha milikan tunggal dan ahli kongsi sesuatu perkongsian. Potongan cukai 2% akan dikenakan jika pembayaran oleh syarikat pembayar dibuat kepada ahli kongsi individu. Tetapi sekiranya bayaran dibuat kepada sebuah perkongsian maka bayaran berkenaan tidak tertakluk di bawah peruntukan ini.
- ☐ EPP adalah **tidak** termasuk Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan amanah, unit amanah, amanah pelaburan harta tanah, Persatuan, Perkongsian, Pertubuhan, Koperasi

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 2

Jalan2.com merupakan sebuah syarikat yang menjalankan agensi pelancongan online dan merupakan ejen kepada Hotel Sri Putra. Jalan2.com menerima komisen daripada pihak hotel apabila tempahan pelanggan dibuat melalui link Jalan2.com untuk tempahan bilik penginapan di Hotel Sri Putra.

Layanan cukai:

Amaun komisen yang diterima oleh Jalan2.com daripada Hotel Sri Putra adalah tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% kerana Jalan2.com (penerima komisen) merupakan sebuah syarikat.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

APAKAH ITU NILAI AMBANG

- ❑ Nilai ambang adalah satu ciri utama bagi menentukan sama ada pembayaran yang dibuat kepada EPP adalah tertakluk kepada potongan cukai 2% atau tidak.
- ❑ Nilai ambang yang ditetapkan adalah pada amaun **RM100,000**. Amaun ini meliputi jumlah **bayaran tunai dan bukan tunai** yang diterima oleh EPP daripada setiap syarikat pembayar.
- ❑ Potongan cukai 2% akan dikenakan dalam tahun semasa kepada EPP yang menerima bayaran tunai daripada syarikat pembayar sekiranya amaun bayaran tunai dan bukan tunai yang diterima dalam tahun sebelumnya **melebihi** nilai ambang.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

APAKAH ITU NILAI AMBANG

- ☐ Bentuk bayaran tunai adalah termasuk komisen, insentif, bonus, e-wallet, e-reload, shopee pay, baucer bayaran, cek, interbank Giro (IBG), kredit prabayar, lain-lain bayaran bersifat tunai
- ☐ Manakala bayaran bukan tunai adalah seperti pemberian kenderaan, rumah, pakej perlancongan dan sebagainya.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 3:

En. Kamal merupakan seorang pengedar di bawah syarikat jualan langsung, Ibrahim Sdn. Bhd (ISB) sejak tahun 2019. Dalam tahun 2021 dan 2022, En. Kamal telah mencapai sasaran jualan tertinggi dalam syarikat dan ISB telah membuat bayaran insentif kepada beliau seperti berikut:

Bil	Pelepasan Gaya Hidup	Tahun 2021	Tahun 2022
1.	Bayaran Berbentuk Wang Tunai	RM	RM
	- Komisen	30,000.00	30,000.00
	- Bonus	10,000.00	20,000.00
2.	Bayaran Berbentuk Bukan Wang Tunai	RM	RM
	- Kereta Toyota	100,000.00	
	- Pakej Percutian ke Australia	8,000.00	
	- Rumah Kediaman	0	350,000.00
	- Produk Syarikat	0	5,000.00
	Jumlah Bayaran	148,000.00	405,000.00

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 3: (Samb...)

Berdasarkan kepada nilai ambang yang melebihi RM100,000 dalam tahun 2021, ISB bertanggung jawab untuk memotong dan meremitkan potongan cukai 2% sebanyak RM1,000 ($\text{RM50,000} \times 2\%$) di bawah peruntukan seksyen 107D ACP dan membayar baki amaun bersih tersebut kepada En. Kamal dalam tahun 2022.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 4

Fakta masih sama seperti di atas kecuali dalam tahun 2022, En. Kamal telah menerima bayaran berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai daripada ISB seperti berikut:

1.	Bayaran Pada April 2022	RM
	- Komisen	25,000.00
	- Produk Syarikat	1,000.00
	- Bonus	15,000.00
2.	Bayaran Pada Oktober 2022	RM
	- Rumah Kediaman	400,000.00
	- Bonus	25,000.00

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 4: (Samb...)

Berdasarkan kepada nilai ambang yang melebihi RM100,000 pada tahun 2021, ISB bertanggung jawab untuk membuat potongan cukai pada kadar 2% daripada jumlah kasar bayaran berbentuk wang tunai dalam bulan April dan Oktober 2022 seperti dalam jadual berikut:

1.	Bayaran Pada April 2022	Bayaran Berbentuk Wang Tunai	Potongan Cukai = 2% x Jumlah Bayaran Wang Tunai
	- Komisen	25,000.00	
	- Bonus	15,000.00	
	Jumlah	40,000	800.00
2.	Bayaran Pada Oktober 2022	RM	RM
	- Bonus	25,000.00	500.00

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 5:

Nilai ambang hendaklah ditentukan pada **setiap tahun** oleh setiap syarikat pembayar bagi menentukan sama ada EPP syarikat pembayar berkenaan tertakluk kepada potongan cukai 2% ke atas bayaran yang akan diterima pada tahun semasa.

Tahun	Penerimaan Tunai & Bukan Tunai	Tertakluk Seksyen 107D ACP 1967
2021	RM 120,000.00	Ya bagi tahun 2022
2022	RM 70,000.00	Tidak bagi tahun 2023
2023	RM 135,000.00	Ya bagi tahun 2024

KEMASKINI PADA 29/3/2024

APAKAH ITU NILAI AMBANG (SAMB...)

- ❑ Sekiranya EPP menerima bayaran daripada beberapa syarikat pembayar, penentuan nilai ambang masih berdasarkan kepada bayaran yang diterima oleh setiap syarikat pembayar pada tahun sebelum. Oleh itu, bayaran tunai yang diterima oleh EPP bagi setiap syarikat pembayar tertakluk kepada seksyen 107D ACP jika amaun bayaran tunai dan bukan tunai yang diterima dalam tahun sebelumnya **melebihi** nilai ambang.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 6

Ejen Ali merupakan ejen kepada 3 buah syarikat pembayar. Bayaran tunai yang diterima dalam tahun 2022 daripada 3 buah syarikat pembayar sama ada tertakluk atau tidak kepada seksyen 107D adalah seperti berikut:

Syarikat Pembayaran	Penerimaan Tunai & Bukan Tunai Tahun 2021	Tertakluk Seksyen 107D ACP 1967 Tahun 2022
A	RM 150,000.00	Ya
B	RM 80,000.00	Tidak
C	RM 101,000.00	Ya

KEMASKINI PADA 29/3/2024

BORANG CP58

- ☐ Peruntukan seksyen 83A ACP menyatakan tanggungjawab syarikat pembayar untuk melaporkan bayaran yang dilakukan kepada EPP berbentuk tunai dan bukan tunai. Pelaporan maklumat bayaran adalah melalui borang CP58.
- ☐ Borang CP58 hanya disediakan apabila bayaran dibuat kepada EPP yang merupakan pendapatan yang diterima oleh EPP. Pelaporan pendapatan yang diterima oleh EPP dalam Borang CP58 adalah berdasarkan **tarikh bayaran dibuat** oleh syarikat pembayar dalam sesuatu tahun asas.
- ☐ Penentuan nilai ambang di bawah seksyen 107D ACP adalah selaras dengan bayaran yang dilakukan oleh syarikat pembayar yang di laporkan dalam Borang CP58.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 7

Syarikat Abadi membayar komisen kepada setiap EPPnya melalui pindahan bank pada setiap hujung bulan. Komisen bagi bulan Disember 2022 telah dipindahkan ke akaun bank EPPnya pada 23/01/2023.

Layanan cukai:

Syarikat Abadi perlu melaporkan amaun bayaran komisen bagi bulan Disember 2022 bagi setiap EPPnya dalam borang CP58 bagi tahun 2023 memandangkan komisen dibayar pada 23/01/2023. Manakala EPP pula perlu melaporkan komisen yang diterima dalam BNCP masing-masing bagi tahun taksiran 2023 berdasarkan amaun yang dinyatakan dalam borang CP58 tahun 2023.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

BILAKAH POTONGAN CUKAI 2% PERLU DIREMITKAN

Subseksyen 107D(1) ACP memperuntukkan setiap pembayaran tunai kepada EPP akan dikenakan potongan cukai pada kadar 2% dan perlu diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam **tempoh 30 hari** selepas pembayaran dibuat kepada EPP.

Contoh 8:

Bil	Tarikh Bayaran Kepada EPP	selewat- lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya.
1.	1/7/2022-31/7/2022	31/8/2022
2.	1/8/2023-31/8/2023	30/9/2023
3.	1/3/2024-31/3/2024	30/4/2024

KEMASKINI PADA 29/3/2024

DIMANA BAYARAN SEKSYEN

107D PERLU DIREMITKAN

Penghantaran borang maklumat EPP dan bayaran boleh dilakukan secara atas talian melalui e-107D dalam MyTax. <https://mytax.hasil.gov.my/>
(rujuk Kenyataan media bertarikh 27.06.2023)

KEMASKINI PADA 29/3/2024

BAGAIMANA SEKIRANYA SYARIKAT PEMBAYAR GAGAL REMIT

- ❑ Sekiranya syarikat pembayar gagal meremitkan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan selepas bayaran dibuat kepada EPP maka kenaikan sebanyak 10% daripada amaun potongan cukai 2% akan dikenakan.
- ❑ Kegagalan ini juga akan menyebabkan syarikat pembayar tidak dibenarkan untuk menuntut perbelanjaan bayaran kepada EPP selaras dengan peruntukan perenggan 39(1)(s) ACP.
- ❑ Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat pembayar lewat meremitkan bayaran potongan cukai 2% ke LHDNM, kenaikan 10% juga dikenakan tetapi syarikat pembayar masih layak menuntut potongan cukai 2% sebagai suatu perbelanjaan yang dibenarkan.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

BAGAIMANA JIKA SYARIKAT PEMBAYAR GAGAL MEMBUAT POTONGAN 2% TETAPI TELAH MEREMITKAN BAYARAN KEPADA KPHDN

- ☐ Di bawah peruntukan perenggan 107D(4)(b) ACP, sekiranya syarikat pembayar gagal membuat potongan cukai 2% berhubung bayaran yang dilakukan kepada EPP namun amaun (potongan cukai 2%) telah diremitkan kepada KPHDN, amaun tersebut merupakan hutang genap masa (debt due) EPP kepada syarikat pembayar.
- ☐ Jika EPP gagal memulangkan semula amaun yang telah diremitkan maka EPP dianggap berhutang dengan syarikat pembayar.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 10

- ❑ Syarikat Labu Labi telah memberi komisen dalam bentuk baucer EON bernilai RM3,000 kepada EPPnya yang mencapai sasaran jualan yang telah ditetapkan dalam tahun 2022. Amaun RM3,000 telah dilaporkan dalam CP 58 EPP masing-masing (diandaikan EPP telah menerima bayaran tunai dan bukan tunai melebihi nilai ambang dalam tahun 2021). Potongan cukai 2% sebanyak RM60 ($RM3,000 \times 2\%$) telah diremitkan ke LHDNM dalam tempoh yang telah ditetapkan tanpa potongan cukai 2% daripada setiap baucer EON yang diberikan.

Hak syarikat pembayar:

Syarikat layak mendapatkan semula RM60 daripada EPP yang menerima baucer EON ini. Jika EPP enggan menjelaskan semula RM60 maka EPP dianggap berhutang dengan syarikat pembayar.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

BAGAIMANA JIKA EPP ADALAH PEKERJA SYARIKAT PEMBAYAR

- ❑ Sekiranya EPP merupakan pekerja syarikat pembayar, penelitian perjanjian atau kontrak di antara pekerja/EPP dan syarikat pembayar perlu diberi perhatian.
- ❑ Jika perjanjian/kontrak jelas membuktikan wujud hubungan pekerja dengan majikan maka bayaran komisen yang dibayar oleh syarikat pembayar/majikan kepada pekerja/EPP merupakan sebahagian daripada bayaran penggajian. Maka bayaran komisen berkenaan adalah tertakluk kepada potongan cukai bulanan (PCB) dan tidak tertakluk kepada potongan cukai 2%.
- ❑ Syarikat pembayar perlu mengambilkira amaun komisen atau apa-apa bayaran berbentuk tunai yang dibayar kepada pekerja dalam pengiraan PCB pekerja berkenaan.
- ❑ Amaun komisen yang dibayar perlu dilaporkan bersama-sama gaji dan bayaran lain dalam Penyata Tahunan Gaji (EA) pekerja berkenaan pada setiap tahun.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIFAT PEMBAYARAN

- ☐ Penentuan sama ada sesuatu bayaran kepada EPP tertakluk kepada potongan cukai 2% atau tidak adalah bergantung kepada **substance bayaran** tersebut dan bukannya bentuk bayaran.
- ☐ Jika terbukti bayaran berbentuk tunai terbit daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP maka peruntukan di bawah seksyen 107D ACP adalah terpakai.
- ☐ Mana-mana transaksi berkaitan dengan pengurangan bayaran komisen/insentif atau penarikan semula komisen/insentif oleh syarikat pembayar kepada EPP perlu dikenalpasti sama ada tertakluk atau tidak kepada potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 11

Komisen	RM 5,000.00
Hutang EPP	RM 1,000.00 (transaksi kontra – kos pentadbiran/penalti)
Baki Bayaran Kepada EPP	RM 4,000.00

Layanan cukai:

Amaun RM5,000 (komisen) adalah tertakluk kepada potongan cukai 2% walaupun EPP hanya menerima RM4,000 disebabkan transaksi kontra yang mana penolakan hutang EPP oleh syarikat pembayar.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 12

Syarikat AZi Sdn Bhd membekalkan produk kecantikan kepada Puan Juni selaku ejen jualan. Transaksi bayaran adalah seperti berikut:

Inbois Jualan	RM 5,000.00
Nota Kredit (Tolak)	RM 1,000.00
Baki	RM 4,000.00

Nota kredit dikeluarkan oleh syarikat AZi Sdn Bhd kepada Puan Juni kerana berjaya mencapai sasaran jualan yang telah ditetapkan. Nota kredit (RM1,000) adalah tertakluk kepada potongan cukai 2%.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 13

Fakta kes sama seperti di atas. Syarikat AZi Sdn Bhd menjual produknya secara borong kepada Puan Juni.

Harga Borong	RM 10,000.00
Diskaun 6% (Tolak)	RM 600.00
Jumlah Bayaran	RM 9,400.00

Diskaun bernilai RM600 adalah insentif yang tidak tertakluk di bawah peruntukan ini di mana potongan cukai 2% hanya dikenakan ke atas amaun bayaran RM9,400.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIFAT PEMBAYARAN

- ❑ Peruntukan seksyen 107D ACP hanya terpakai kepada EPP yang memperolehi insentif tunai yang berasaskan pencapaian jualan atau perkhidmatan yang dilakukan untuk syarikat pembayar. Ini bermakna peruntukan ini tidak terpakai kepada mana-mana fi yang diterima yang bukan berasaskan pencapaian perkhidmatan yang diberikan.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 14

Puan Auni merupakan seorang ejen hartanah bagi IMY Properties Berhad. Beliau menerima fi profesional daripada IMY Properties Berhad bagi setiap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan IMY Properties Berhad. Selain itu, Puan Auni juga ada menerima komisen pengenalan (referral commission) apabila beliau berjaya memperkenalkan pelanggan kepada IMY Properties Berhad.

Layanan cukai:

Fi profesional yang diterima oleh Puan Auni tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% sekiranya bayaran ini bukan berasaskan pencapaian perkhidmatan yang diberikan. Manakala bagi bayaran komisen pengenalan (*referral commission*) adalah tertakluk kepada potongan cukai 2% memandangkan bayaran ini jelas berasaskan pencapaian perkhidmatan yang diberikan.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

SIFAT PEMBAYARAN

- ❑ Bagi tujuan potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP, bayaran dianggap telah dibuat atau dikreditkan kepada EPP apabila amaun tersebut **telah ada untuk atau bagi manfaat** EPP. Oleh itu, ianya merujuk kepada tarikh amaun dibayar atau dikreditkan kepada EPP.

KEMASKINI PADA 29/3/2024

CONTOH 15

En. Amsyar merupakan seorang wakil insuran bagi Syarikat Insuran Tafakul. Premium insuran yang dikutip oleh En. Amsyar daripada pemegang polisi berjumlah RM10,000. Berdasarkan perjanjian, En. Amsyar layak menerima RM1,000 sebagai komisen daripada Syarikat Insuran Tafakul. Oleh itu, En. Amsyar hanya mengkreditkan RM9,000 ke akaun syarikat.

Layanan Cukai:

Walaupun tiada bayaran tunai yang dibayar oleh Syarikat Insuran Tafakul kepada En. Amsyar, tetapi RM1,000 yang telah ditolak daripada amaun premium pemegang polisi adalah dianggap **telah ada untuk manfaat** En. Amsyar pada tarikh RM9,000 dikreditkan ke akaun bank Syarikat Insuran Tafakul. Pada tarikh tersebut, En. Amsyar dianggap telah menerima bayaran komisen tunai daripada Syarikat Insuran Tafakul. Sehubungan itu, RM1,000 adalah tertakluk kepada potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP.

KEMASKINI PADA 29/3/2024


SIFAT PEMBAYARAN

Potongan cukai 2% iaitu RM20 ($\text{RM1,000} \times 2\%$) perlu diremitkan oleh Syarikat Insuran Tafakul kepada KPHDN. Dalam situasi ini, En. Amsyar sepatutnya perlu mengkreditkan RM9,020 iaitu RM9,000 amaun premium pemegang polisi dan RM20 adalah bagi potongan cukai 2% ke akaun bank Syarikat Insuran Tafakul

Sekiranya, En. Amsyar gagal untuk mengkreditkan amaun RM20 kepada Syarikat Insuran Tafakul maka syarikat berhak mendapatkan semula RM20 daripada En. Amsyar di bawah peruntukan perenggan 107D(4)(b) ACP

KEMASKINI PADA 29/3/2024

PANDUAN PENGEMUKAAN



MyTax

Perkhidmatan ezHasil e-Janji Temu Maklum Balas Pelanggan Panduan Pengguna

Carah ENG

Sila Masukkan Maklumat Anda

Sila Pilih Jenis Pengenalan

No. Pengenalan

Hantar

Panduan Pengguna

Tatacara Pengisian Slip Bayaran CKHT 502 Papir / Muat Turun	Manual Penggunaan Permohonan Peranan Papir / Muat Turun
FAQ MyTax Papir / Muat Turun	Manual Penggunaan CP107D Papir / Muat Turun
Manual Penggunaan eCP22 Papir / Muat Turun	Manual Penggunaan eWHT Papir / Muat Turun
Manual Penggunaan	Manual Penggunaan

Klik Panduan Pengguna

Papir / Muat Turun Manual Penggunaan CP107D

KEMASKINI PADA 29/3/2024

PANDUAN PENGEMUKAAN



**Papar / Muat Turun
Manual Penggunaan
CP107D**

TATACARA PENGISIAN BORANG CP107D DAN MUAT NAIK LAMPIRAN CP107D(2)


1. Capaian e-107D adalah terhad kepada pengguna dengan peranan pengarah syarikat atau wakil pengarah sahaja
2. Layari laman sesawang rasmi LHDNM dan log masuk ke My TAX.
Masukkan id dan kata laluan



3. Pilih peranan dan syarikat pembayar



4. Pilih perkhidmatan EzHasil, pilih e-107D



KEMASKINI PADA 29/3/2024

JANGAN JADI **MANGSA** SINDIKET PENIPUAN

***JANGAN DEDAHKAN
MAKLUMAT
PERCUKAIAN ANDA***

WASPADA DENGAN SCAMMERS

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA

- LHDNM **TIDAK** MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM **TIDAK** AKAN MENYAMBUNGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
- LHDNM **TIDAK** MEMBERI **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN ATAU MEMINTA **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN BALIK



www.hasil.gov.my facebook.com/LHDNM [@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial) 03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

KEMASKINI PADA 29/3/2024



ESCALATE THE PASSION

**INGIN KELUAR NEGARA??
PASTIKAN
ANDA
MEMBUAT
SEMAKAN
<http://sspi.imi.gov.my>**

KEMASKINI PADA 29/03/2024



JIKA MENGHADAPI MASALAH E-FILING



HUBUNGI TALIAN UTAMA

03- 8911 1000 (HASIL CONTACT CENTRE)

HADIR KE PEJABAT LHDNM BERHAMPIRAN

KEMASKINI PADA 29/03/2024



ESCALATE THE PASSION

TERIMA KASIH



03-8911 1000

Hasil Contact Centre

A laptop and a smartphone displaying the MyTax app interface, which includes various tax-related icons and data.

MyTax

Web Responsif & Aplikasi Mobile

Gerbang Informasi Percukaian

Single Sign-On Untuk Semua Perkhidmatan

Dashboard Ringkas & Padat

Pusat Untuk Semua e-Perkhidmatan LHDNM

The LHDN Malaysia logo, featuring a stylized blue and yellow triangle with the letters 'LHDN' in white and 'MALAYSIA' in blue below it.

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

EXPLORE IT ON AppGallery

KEMASKINI PADA 29/3/2024